



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 27 BILANGAN 26

RABU 30HB JUN, 1982.

رابو 8 رمضان 1402

PERCHUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat melawat Muzium Pasukan Asker Melayu Diraja Brunei pada 18hb Jun yang lalu.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ka-Muzium itu ada-lah salah satu acara yang di-ator sa-masa keberangkatan Baginda ka-Perkhemahan Bolkih untuk memeriksa perbarisan tamat latihan bagi rekrut2 pengambilan ke-2 pasukan Asker Wanita.

Gambar atas kelihatan Baginda Yang Dipertuan menyaksikan gambar2 yang merakamkan kegiatan anggota2 pasukan Asker Melayu Diraja Brunei sambil mendengar penerangan dari Major Dato Paduka W. J. B. Peat.

Lain2 gambar sa-masa keberangkatan Baginda ka-Perkhemahan tersebut di-siarkan di-muka 10 dan 13.

Pegawai Pertanian berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai pertanian kini sedang berada di-Holland untuk menjalani Kursus Antarabangsa yang ke-30 bagi Pengembangan Luar Bandar untuk Pertanian dan Kemajuan Luar Bandar.

Mereka ia-lah Awg Bakri bin Haji Momin dan Awang Abdul Hamid bin Gana.

Kursus yang di-jalankan di-Pusat Pertanian Antarabangsa Wageningen itu akan menyentuh perkara2 berkaitan dengan pengurusan dan organisasi, perhubungan, perancangan dan penjadualan, pengurusan kerja luar dan sebarang am yang di-gunakan dalam pengembangan pertanian.

Pmk. SUK pulang dari lawatan ka-Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib telah pulang ka-tanah ayer pada hari Rabu lalu sa-telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama lapan hari ka-Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan itu dalam satu temu-ramah menjelaskan lawatan rombongan-nya ka-ibu negara Malaysia itu selain daripada meninjau perjalanan pentadbiran Kerajaan Malaysia, mereka juga berkesempatan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahatir Mohammed, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.B. Menteri Pelajaran dan Y.B. Timbalan Menteri Kewangan.

Yang Berhormat dan rombongan juga telah berbinchang dan bertukar-tukar fikiran dengan beberapa orang pegawai kanan di-beberapa kementerian yang lain.

Rombongan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan itu mengandungi Timbalan Pementah AMDB, Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammed bin Haji Daud, Pengarah Pertanian, Dato Paduka Hamid bin Jaafar, Timbalan Pengarah Perpindahan, Awang Salleh bin Haji Jalil dan Pegawai Pentadbir Kanan di-Pejabat SUK, Awang Sidek bin Yahya.



Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman dan Datin serta rombongan-nya sa-belum bertolak ka-Kuala Lumpur.

Menstandadisasikan tarian asli :

GERAK DAN EKSPRASI-NYA PERLU DI-KAJI — Pengarah DBP

Oleh : JAAFAR IBRAHIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untuk menstandadisasikan Tarian Asli Brunei supaya bersesuaian dan bertepatan dengan unsur2 kebudayaan Melayu kita, maka usaha2 gigih dan positif perlu di-kaji terutama dalam gerak dan ekspresi-nya.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani berkata pengkajian itu perlu kita selesaikan segera dengan di-sepakati oleh ahli2 dan cherdek pandai kita supaya gerak dan ekspresi-nya bersesuaian dengan unsur2 kebudayaan kita sendiri.

"Dan untuk ini sudah tiba pada saat-nya malah telah kena pada tempat-nya kita mengadakan atau menuhkan sa-buah akademi kesenian negara yang mana salah satu daripada tugas-nya ia-lah bertanggung-jawab penoh ka-araf menggalak dan memperkembangkan tarian2 asli Brunei," ujar-nya.

Pengiran Badaruddin berkata demikian ketika berucap sa-jurus sa-belum membuka rasmi pertandingan tarian asli Brunei antara maktab2 dan sekolah2 menengah

sa-negeri yang telah dilangsungkan di-Dewan Sekolah Menengah SMJA di sini pada hari Sabtu 19hb. Jun yang lepas.

Selama ini menurut beliau, tidak ada orang yang dapat mentafsirkan dengan tepat apa-kah gerak asas dalam tarian2 asli Brunei atau apa-kah pula yang asli mengenai tarian2 itu.

"Ada-kah tiap2 gerak dari suatu tarian kita itu mempunyai tafsiran-nya sendiri dan apa-kah pula tafsiran itu dapat di-perthankan dari segi kebudayaan dan adat resam bangsa kita," ujar-nya.

Menurut Pengiran Badaruddin, penanaman minat dan penghargaan terhadap seni tari itu, bukanlah hanya sa-kadar untuk pertunjukan pentas atau hanya sa-kadar di-lakukan dalam majlis keramaian atau untuk tujuan2 pertandingan sahaja malah kita sa-bagai satu bangsa bertamaddun, hendak-lah mampu mengambil langkah2 positif untuk memungkinkan seni tari diterima dan di-amalkan sa-bagai penjelmaan bentuk atau manifestasi kebudayaan Bangsa Brunei yang berasaskan kapada unsur2

Islam dan chiri2 kemelayuan yang sehat lagi bermunafaat.

Penerimaan masyarakat terhadap seni tari ini tegas-nya, banyak bergantung kapada usaha2 kita semua dalam menanam, memupok dan menyuburkan perkembangan-nya kerana jiwa jenerasi muda amat perlu sekali di-salorkan lebeh kapada keperluan negara dan masyarakat sa-tempat ia-itu untuk menggambarkan kehalusan budi dan ketinggian bangsa kita sendiri.

Menurut-nya, kita maseh lagi belum begitu terlambat untuk mengadakan pendidekan asas seni tari Melayu bagi di-masokkan dalam sistem Pelajaran Kebangsaan kita.

Beliau penoh perchaya yang langkah sa-umpama itu akan dapat menanam bibit2 kesedaran dan penghargaan di-dalam jiwa dan kehidupan jenerasi muda yang akan datang.

Kata-nya, untuk penchapian yang lebeh bererti, seni tari itu harus-lah di-ajar dalam konsep kebudayaan yang mana dengan chara begini, ia-nya boleh di-jadikan satu la-tehan amali dalam mata pelajaran tata raayat atau sivik.

Lihat muka 22

Di-buka tiap2 hari Jumaat

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-Daerah Belait sekarang boleh membuat pembayaran bil2 letrik mereka tiap2 hari Jumaat.

Menurut Jurutera Letrik Daerah, Awang Haji Aziz bin Hamid, pembayaran di-buat dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Manis-nya Iman

"SEDEKAH yang tidak di-iklankan itu memadamkan kemurkaan Allah." — HADITH Nabi di-riwayatkan oleh At-Tabarani.



Pelita Brunei
DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
HASRAT
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

30HB JUN, 1982.

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

PEMERHATIAN TERHADAP KESELAMATAN SERANTAU

Persidangan Menteri2 Luar ASEAN yang ke-15 berlangsung di-Singapura sekali lagi di-hadiri oleh perwakilan Brunei sa-bagai pemerhati. Ini ada-lah kali kedua perwakilan Brunei yang di-ketuai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah menyempurnakan undangan ka-sidang itu sa-telah tahun lepas menghadhiri sidang serupa di-Manila dan merupakan kali pertama Brunei mula menampakkan diri dalam perjumpaan2 antarabangsa yang besar seperti ASEAN. Sejak sidang pertama di-Manila itu, sambutan terhadap Brunei ada-lah menemui dugaan2 awal apabila sambutan terhadap-nya begitu hangat sekali.

Sa-bagai negara yang kukuh dengan falsafah adat-istiadat-nya, maka di-sidang pertama itu, Brunei lebeh menekankan rasa penghormatan dan penghargaan yang begitu tinggi terhadap inisiatif negara2 jiran-nya yang mahukan agar Brunei menjadi negara anggota ASEAN yang baru dan Brunei akan meneliti soal keahlian-nya dalam ASEAN sa-lepas kemerdekaan-nya nanti — sapertimana menurut sabda Yang Teramat Mulia di-sidang Manila itu. Di-samping itu Brunei telah menekankan kechenderongan-nya untuk melihat Tenggara Asia terus-menerus kekal sa-bagai tempat yang selamat dan terator, aman dan sentosa serta bebas untuk membangun dan menchapai kehidupan yang lebeh baik.

Sa-bagai lanjutan terhadap kechenderongan Brunei mengenai perkara itu, Yang Teramat Mulia itu lebeh jauh mengatakan pendapat dalam sabda yang di-lapadzkan di-Singapura dengan menekankan yang Brunei menyedari bahawa keamanan dan keselamatan hanya dalam lingkungan ASEAN tidak-lah menchukupi.

"Selagi ada raayat di-rantau ini yang tidak dapat membangun chara hidup mereka sendiri, yang tidak bebas daripada gangguan terhadap hal-ehwal dalam negeri mereka oleh negara2 yang lain; keamanan dan keselamatan ASEAN ada-lah terancham," demikian di-petik dari sabda Yang Teramat Mulia itu.

Untuk mengelakkan perkara ini dari menjadi masalah, maka perlu ada sokong-menyokong dan kerjasama yang rapat sapertimana kefahaman tentang nilai kekuatan semangat ASEAN yang ujud dari kerjasama erat dalam menentang anchaman2 luar. Saperti yang di-jelaskan oleh Yang Teramat Mulia itu bahawa Brunei mengalu2kan usaha2 yang telah di-buat oleh ASEAN bagi memastikan penghormatan oleh semua negara2 yang terlibat terhadap prinsip2 yang menjadi asas keamanan dan keselamatan rantau Tenggara Asia. Sa-takat ini, Brunei dengan giat-nya memerhati ka-arrah mana ASEAN telah berkembangan dari segi bidang dan penchapaian-nya.

Untuk menchapai kesan yg lebeh bererti:

Dalam zaman serba moden ini, orang lebeh tertarek kepada soal2 sains dan teknologi, dan akhir2 ini pula perhatian ramai sering tertumpu kepada pergolakan dunia yang penoh dengan kenchah peperangan yang tiada henti2-nya yang telah banyak meranapkan tamaddun dan menghanchur-leborkan kemanusiaan segajat. Soal2 kontemperi saperti ini menyebabkan kita kurang memikirkan soal2 yang berupa kesenian, lebeh2 lagi tentang falsafah kebudayaan yang menjadi sa-bahagian teras kehidupan harmonis kita semua.

Kebudayaan mempunyai chabang kesenian yang mana kesenian itu pula amat berkait rapat dengan tarian.

Sa-laku sa-orang peminat seni, saya beranggapan bahawa tarian itu ada-lah merupakan salah satu daya ucapan fikiran dan perasaan yang halus menarek lagi mempersonakan yang di-lahirkan dengan gerak geri anggota tubuh badan dengan gerakan yang terator berirama sa-hingga menimbulkan keindahan dan kemanisan di-pandangan mata.

Sa-bagai chabang kebudayaan, seni tari harus dapat di-terima oleh masyarakat kita sa-bagai mempunyai tujuan untuk dapat memupok kehalusan budi, untuk keupayaan menchanai daya kreatif dan untuk dapat menimbulkan rasa penghargaan terhadap keindahan gerak dan eksprasi tarian. Kesemua-nya ini haruslah dapat di-anggap sa-bagai suatu bentuk seni bangsa yang patut sama2 kita banggakan.

LANGKAH POSITIF

Penanaman minat dan penghargaan terhadap seni tari ini bukan-lah hanya sa-kadar untuk pertunjukan pentas atau hanya sa-kadar di-lakukan dalam majlis keramaian atau untuk tujuan2 pertandingan sahaja malah lebeh daripada itu sa-bagai satu bangsa bertamaddun, sa-bagai satu bangsa berperibadi tinggi kita hendak-lah mampu mengambil langkah2 positif untuk memungkinkan seni tari di-terima dan di-amalkan sa-bagai penjelmaan bentuk atau manifestasi kebudayaan bangsa Brunei yang mestilah pula berasaskan kepada unsur2 Islam dan chiri2 kemelayuan yang sehat lagi bermanfaat.

Kemungkinan seni tari di-terima dan di-amalkan sa-bagai penjelmaan bentuk atau manifestasi ke-

SENI TARI HARUS DI-JADIKAN MATA PELAJARAN

BERIKUT ia-lah ucapan Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei di-Perasmian Pertandingan Tarian2 Asli Brunei antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Seluruh Negeri pada hari Sabtu 19hb. Jun, 1982 Jam 3.00 petang bertempat di-dewan Sekolah Menengah SMJA, Bandar Seri Begawan.

budayaan bangsa kita terutama-nya di-kalangan jenerasi muda sa-bahagian besar-nya akan lebeh banyak bergantung kepada kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap-nya, juga ia-nya bergantung kepada usaha2 kita semua dalam menanam, memupok dan menyuburkan perkembangan seni tari itu kerana jiwa seni jenerasi muda, jenerasi harapan kita itu amat perlu sekali di-salurkan lebeh kepada keperluan negara dan masyarakat sa-tempat ia-itu untuk menggambarkan kehalusan budi dan ketinggian peribadi bangsa kita sendiri.

MENGGAMBARKAN JIWA

Tarian2 yang harus lebeh banyak kita pertunjokkan hendak-lah sa-berapa boleh dapat menggambarkan jiwa, perasaan dan chara hidup yang terdapat dalam bentuk kebudayaan yang di-terima sa-bagai kebudayaan kebangsaan, Tarian yang di-bentuk dalam konsep ini-lah yang harus lebeh banyak di-ketengahkan kepada masyarakat umum. Mungkin perkara ini akan memakan masa untuk di-terima sapenoh-nya oleh masyarakat tetapi melalui pertandingan2 saperti ini dan juga menerusi ranchangan2 talivishen, ia-nya akan tetap dapat di-atasi dan terus dapat kita untkayahkan bersama.

Menimbulkan kesedaran dan kechintaan terhadap

tarian2 asli Brunei dengan tidak di-serai dengan usaha2 ka-arrah pengalakan dan perkembangan-nya akan menjadi saperti menimbulkan selera dan keinginan terhadap sa-suatu hidangan yang tidak mungkin akan di-minati sa-lama-nya oleh para pengguna. Hidangan yang tidak di-pelbagaikan lambat laun akan menimbulkan rasa jemu dan bosan. Ini-lah barangkali sebab yang utama mengapa tarian2 asli kita sekarang kurang meluas di-minati ramai.

Sa-lama ini tidak ada orang yang dapat mentafsirkan dengan tepat apakah gerak asas dalam tarian2 asli Brunei, atau apakah pula yang asli mengenai tarian2 itu. Ada-kah tiap2 gerak dari sa-suatu tarian kita itu mempunyai tafsiran-nya sendiri dan ada-kah pula tafsiran itu dapat di-pertahankan dari segi kebudayaan dan adat resam bangsa kita.

MENSTANDADISIKAN

Semua perkara yang berkait rapat dengan soal2 tarian asli Brunei itu perlu sekali kita selesaikan segera terutama-nya dalam usaha2 gigih kita untuk menstandadisasikan tarian asli dalam gerak dan eksprasi-nya yang mana perkara ini amat perlu di-kaji dan di-sepakati oleh ahli2 dan cherdek pandai kita supaya gerak dan eksprasi tarian asli Brunei itu bersesuaian dan ber-

tepatan dengan unsur2 kebudayaan kita sendiri. Dan untuk ini sudah tiba pada saat-nya malah telah kena pada tempat-nya kita mengadakan atau menubuhkan sa-buah akademi kesenian negara yang mana salah satu daripada tugas-nya ia-lah untuk bertanggung-jawab penoh ka-arrah menggalak dan memperkembangkan tarian2 asli Brunei.

Di-samping itu kita maseh lagi belum begitu terlambat untuk mengadakan pendidekan asas seni tari Melayu bagi dimasukkan dalam sistem Pelajaran Kebangsaan. Langkah ini saya penoh berasa yakin akan dapat menanam bibit2 kesedaran dan penghargaan di-dalam jiwa dan kehidupan jenerasi muda yang akan datang. Untuk menchapai kesan yang lebeh bererti, seni tari itu haruslah diajar dalam konsep kebudayaan, dengan chara begini, ia-nya boleh di-jadikan satu latehan amali dalam mata pelajaran raayat atau sivik. Seni tari hendak-lah di-perkenalkan sa-bagai satu latehan budi pekerti dan sopan santun serta sa-bagai satu identiti kesenian dan kebudayaan negara kita. Pengajaran seni tari ini haruslah di-lakukan sa-chara formal sa-bagaimana juga pengajaran seni muzik, seni lukis dan sa-bagai-nya. Pelajar2 ini kelak dapat kita harapkan menjadi tenaga pengajar dan pengembang atau sa-tidak2-nya peminat tarian2 asli Brunei di-masa hadapan.



Awg. Majid bin Hj. Abd. Rahman selaku Pengerusi seminar pada hari itu sedang menerangkan jenis2 rachun yang di-gunakan dalam bidang pertanian (atas) sementara gambar bawah menunjukkan sa-bahagian daripada peserta yang mendengar cheramah anjoran Persatuan Kimia Brunei.



Penuntut2 MPUSB adakan lawatan sambil belajar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 30 orang penuntut tahun III dan empat orang pensharah dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, telah mengadakan lawatan sambil belajar sa-lama seminggu di-Malaysia Barat dan Singapura pada 6hb hingga 13hb. Jun lepas.

Rombongan tersebut diketuai oleh Che'gu Abd Razak bin Bungsu sa-orang pensharah di-maktab itu.

Sa-masa berada di-Malaysia mereka telah mengadakan lawatan2 ka-Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Masjid Sultan Abu Bakar dan melawat di-sekitar yang menarik di-Bandar Johor Bahru.

Di-Kuala Lumpur mereka telah melawat Maktab Perguruan Bahasa, Masjid Negara, Tugu Peringatan, Maktab Perguruan Islam Petaling Jaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Radio Talivishen di-Angkasapuri.

Di-hari ke-empat dan ke-lima pula mereka telah membuat lawatan ke-Maktab Perguruan Pulau

Pinang, Universiti Sains Malaysia dan Aquarium Tengku Rahman dan lain2 lagi.

Di-hari ke-enam dan ketujuh mereka telah bertolak dari Pulau Pinang ka-Singapura. Di-sana mereka telah melawat tempat yang menarik seperti Sentosa, Taman Haiwan, Bird's Park dan Institusi Pendidikan.

Lawatan sa-rupa ini ada-lah merupakan lawatan bagi kali ke-tiga bagi penuntut2 maktab itu. Kali kedua di-tahun lepas penuntut2 maktab tersebut juga melawat ke-beberapa tempat yang sama.

Menurut Che'gu Abdul Razak lawatan mereka ini ada-lah sa-bagai projek tahunan maktab itu dengan perbelanjaan sendiri dan di-kelolakan oleh pihak maktab.

Sa-terus-nya Che'gu Abd Razak berkata, ada pun tujuan lawatan sa-rupa ini di-adakan, sa-lain dari melihat negeri orang, penuntut2 itu juga dapat mempelajari dengan lebih dalam lagi mengenai dengan sistem pelajaran khusus-nya latehan perguruan di-Malaysia. Di-samping itu

mendedahkan juga Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan mengenalkan latehan Perguruan Ugama di-maktab itu serta menjalinkan lagi persahabatan antara pelajar2 ini dengan Institusi2 yang di-lawati.

Sa-lain dari itu, dengan ada-nya lawatan seperti itu akan menambahkan lagi pengetahuan dan pengalaman dengan mengunjongi tempat2 yang menarik dan bersejarah di-sekitar bandaraya di-Malaysia. Ini ada-lah perlu bagi penuntut2 tersebut apabila mereka menamatkan kursus mereka tahun ini, pengalaman sa-rupa ini sangat-lah perlu untuk mereka, untuk menghadapi murid2 apabila mereka mengajar nanti.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 31 orang pegawai2 dari Jabatan Ukur yang terdiri dari Juruteknik2 Ukur, Pegawai2 Kechil Teknik dan Mandor2 telah menduduki peperiksaan Pejabat bagi tahun ini, yang telah berlangsung pada

SEMINAR BAHAYA BAHAN2 KIMIA

Oleh: Muhaimin Hj Muhammad

BANDAR SERI BEGAWAN — Persatuan Kimia Brunei telah menganjorkan satu seminar bertempat di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill pada hari Ahad lepas. Seminar pada hari itu berthemakan "Selamat dan Bahaya Bahan2 Kimia Pertanian".

Menurut Pengerusi seminar pada hari itu Awang Majid bin Abd. Rahman, tujuan seminar itu ada-lah bagi kepentingan dan kesihatan orang ramai kerana memandangkan bahan2 kimia pertanian banyak digunakan oleh petani2, pekebun2 sayur dan pekebun2 bunga.

Oleh yang demikian tegas Awang Majid, ahli2 Persatuan Kimia Brunei telah mengorak langkah menganjorkan seminar sa-umpama itu semata2 untok pengetahuan orang ramai dan menerangkan kepada mereka bagaimana chara2 yang paling selamat menggunakan bahan2 kimia pertanian dengan tidak mengira mereka itu dari bidang mana sekali pun.

Salah satu bahan2 kimia, tambah beliau lagi, yang akan diperbinchangkan sa-chara agak meluas dalam seminar itu ada-lah penggunaan rachun musoh2 tanaman.

Sa-banyak enam orang ahli2 panel telah diundang untuk menyam-

paikan cheramah singkat yang berhubung dengan bahan2 kimia pertanian. Dr. P Durayappah, Pegawai Perubatan Kesihatan Kanan, dengan cheramah-nya berjudul 'Masaalah2 Rachun Musoh2 Tanaman Dari Segi Kesihatan Orang2 Awam', Dr. John Boyd, sa-orang pakar jantung, menyampaikan cheramah-nya bertajok, 'Masaalah Bahan2 Kimia Pertanian Dari Segi Perubatan'.

Manakala cheramah yang bertajok 'Penggunaan Rachun2 Membunuh Chendawan', telah disampaikan oleh Dr. Serudin bin Datu Setiawan Haji Tinggal dari Jabatan Kaji Penyakit Tumbuhan, Dayang Asmah bte Saman dan Awang Sabli bin Hj Md. Yassin, kedua2-nya dari Jabatan Kaji Serangga telah menyampaikan cheramah

mereka yang berjudul 'Penggunaan Rachun Serangga di-Brunei'.

Manakala cheramah yang terakhir dalam seminar itu bertajok 'Chara Yang Paling Selamat Menggunakan Bahan2 Kimia Pertanian' telah disampaikan oleh Awang Ramon Santiago, dari Pusat Latehan Sinaut.

Berjenis-jenis bahan2 rachun kimia yang diper-tunjukkan dalam seminar itu. Antara-nya ia-lah rachun rumput (gramoxone) kerana jenis rachun itu pernah digunakan oleh sa-gelintir manusia dalam per-chubaaan membunuh diri.

Seminar pada hari itu ada-lah atas tajaan Sharikat Kathay Saintifik. Antara yang hadir ia-lah ahli2 Persatuan Kimia Brunei, Pegawai2 Perubatan Kanan serta penuntut2 sekolah.

Penolong Pegawai Penerangan Ikuti Kursus Komunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang

Penolong Pegawai Penerangan, dari Bahagian Penerangan Pejabat Setiausaha Kerajaan telah berlepas ka-Kuala Lumpur untok mengikuti kursus dalam bidang komunikasi massa di-Universiti Sains Malaysia, Minden Pulau Pinang selama lebih kurang sem-bilan bulan sa-tengah.

Mereka ia-lah Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar dan Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab.

Sementara itu dua orang pegawai dari Jabatan Radio Talivishen Brunei, Awang Haji Morshidi bin Haji Mohd. Salleh dan Awang Haji Hashim bin Haji Abd. Rahman telah berlepas ka-London untok mengikuti kursus penerbitan Studio TV di-PYE TVT, Cambridge.

Kursus yang mereka ikuti itu bermula dari 28hb. Jun hingga 10hb. September, 1982.

Naik Pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan supaya Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong di-tetapkan bertugas di-Pejabat Penasehat Umom Kebawah DYMM sa-bagai Pegawai Pentadbir Kanan dalam sukatan gaji kumpolan tiga mulai 1hb. Julai 1982.

Ikuti Kursus

BERAKAS. — Pengelola Perkembangan Kebudayaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Ahmad bin Haji Ghafar, telah berlepas ka-Pulau Pinang hari Ahad, 20hb. Jun lalu untok mengikuti satu kursus di-sana.

Awang Ahmad akan ditempatkan di-Universiti Sains Malaysia di-Pulau Pinang selama sa-tahun bagi mendapatkan Sijil Sains Kreatif.

Juruteknik Ukur uji kecekapan

14hb. hingga 17hb. Jun lepas.

Ada pun tujuan peperiksaan ini di-adakan ia-lah untok menguji kecekapan dan kebolehan pegawai2 yang berkenaan, serta untok menilai kelayakan mereka bagi tu-

juan untok peningkatan jawatan. Di-samping peperiksaan bertulis, peperiksaan praktikal juga di-adakan.

Peperiksaan tersebut telah di-adakan sa-rentak di-Pejabat Ukur di-Bandar Seri Begawan dan Belait.

MELIHAT PEREMPUAN : BILA-KAH DI-HARUSKAN ?

HARUS melihat perempuan pada beberapa keadaan :

1. Di-dalam kitab2 feqah ada di-terangkan bahawa sa-orang lelaki itu harus melihat perempuan ajnabiah yang halal nikah jika ia benar2 berazam hendak meminang perempuan itu, bahkan menurut ulama melihat perempuan kerana tujuan meminang itu ada-lah sunat. Tempat yang harus di-lihat itu ia-lah pada muka dan dua tapak tangan-nya walau pun sampai beberapa kali sa-kira-nya keadaan memerlukan berbuat demikian. Dalil dalam perkara ini ia-lah sa-buah hadith daripada sahabat Jabir r.a. : Bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang erti-nya : *"Apabila sa-orang kamu hendak meminang sa-orang perempuan maka kira-nya ia berkuasa melihat daripada perempuan akan apa yang mendorong ia hendak berkahwin dengan-nya maka hendaklah ia buat."* (Hadith ini di-riwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Daud).

Di-riwayatkan oleh Imam Muslim daripada sahabat Abi Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda kepada sa-orang lelaki yang hendak mengahwini sa-orang perempuan yang erti-nya : *"Ada-kah kamu telah lihat dia,"* jawab laki2 itu : *"Tidak!"* Sabda Rasulullah lagi : *"Kamu pergi dan lihat kepada-nya."*

2. Harus melihat wajah perempuan sahaja ketika melakukan mua'amalah seperti dalam keadaan berjual beli, sewa menyewa, berhutang, mengupah, pinjam meminjam, berwasiat dan lain2 lagi. Dalam hal ini, mengetahui siapa perempuan itu ada-lah mustahak, seperti sa-orang lelaki yang berjual beli dengan sa-orang perempuan maka dengan mengetahui atau mengenali siapa perempuan itu maka mudahlah bagi-nya mengembalikan barang atau mata benda yang chachat itu kepada perempuan yang menjual-nya. Begitu juga perempuan yang membeli di-haruskan ia melihat wajah lelaki penjual supaya dapat perempuan itu mengembalikan jualan yang ada chachat kepada penjual itu, begitu-lah seterusnya dengan lain2 mua'amalah.

LAKI2 MENGUBAT PEREMPUAN

3. Harus bagi tukang ubat laki2 seperti doktor laki2 yang hendak mengubati perempuan, melihat atau menyentoh mana2

anggota yang hendak di-ubati sahaja, dan di-per-sharatkan mengubati itu di-hadapan mahram perempuan yang sakit atau di-hadapan mahram doktor itu atau di-hadapan suami perempuan itu, atau di-hadapan sa-orang perempuan yang amanah dan thiqah. Ini ia-lah menurut qaul (pendapat yang mengatakan harus sa-orang laki2 berkhalwat dengan dua perempuan yang amanah. Perlu di-ambil ingatan di-sini ia-itu dengan di-per-sharatkan tiada ada di-situ atau pada ketika itu perempuan yang layak untuk mengubati perempuan yang sedang sakit itu.)

4. Harus di-lihat sa-orang perempuan itu ketika hendak di-saksikan dalam perkara yang berhubungan dengan-nya sendiri tegas-nya dengan batang tuboh perempuan itu sen-

Siri ke-138

diri seperti dia hendak menjadi saksi bahawa "Perempuan ini" telah berhubungan daripada si-polan sekian banyak atau dia hendak menyaksikan di-hadapan kadhi atau hakim bahawa perempuan ini telah memberi kepada si-polan sekian banyak. Begitu juga seperti melihat titik (susu) perempuan bagi menyaksikan perempuan itu menyukai "kanak2 ini", dan seperti melihat kemaluan bagi menyaksikan bahawa perempuan itu berzina atau beranakkan babi.

MELIHAT TUJUAN MENGAJAR

5. Harus melihat perempuan kerana tujuan mengajar, sa-bagaimana kata Imam An-Nawawi (yang meninggal pada tahun 676

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



H.) dalam kitab-nya Al-Minhaj yang terkenal itu. Dan Imam As-Subki (yang meninggal pada tahun 756 H.) di-Kaherah, beliau telah menerangkan dan mengulas perkataan Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah. Menurut zahir dalil bahawa harus melihat perempuan itu ketika mengajar akan perkara yang wajib di-pelajari seperti belajar Fatihah dan perkara yang wajib di-ajarkan dari perkara2 fardhu kifayah yang di-hajatkan oleh umat Islam seperti ilmu pertukangan bagi menchari sara hidup, dengan syarat di-situ tiada ada perempuan yang boleh mengajar atau tiada ada mahram yang boleh mengajar, dan dengan syarat tiada dapat di-ajarkan itu dari belakang tabir dan dengan syarat di-lakukan di-hadapan orang yang boleh menegah dari khalwat di-antara laki2 yang meng-

ajar dan perempuan yang belajar itu." Begitu-lah perkataan Imam As-Subki menerusi ahli pengulas Matan Al-Minhaj dan ulama feqah dan perkataan Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah.

Menurut setengah kumpulan ulama lain pula : Harus juga perempuan belajar ilmu yang bukan wajib dari laki2 dengan syarat ada syarat2 yang di-sebutkan di-atas tadi sa-bagaimana kata Imam Ibnu Hajar. Dan di-sharatkan juga ada amanah dan ada-lah di-antara yang mengajar dan yang belajar itu.

Demikian-lah setengah dari perkara yang harus bagi laki2 melihat akan perempuan yang dapat kita sebutkan di-sini.

WALLAHU A'ALAM

(Bersambung)

Ulang kaji hukom2 ugama

GADONG. — Sa-ramai kira2 200 orang pegawai2 termasuk Pegawai Kanan Kerajaan telah menghadiri satu kursus sengkot ulang kaji hukom2 ugama yang telah di-adakan di-Dewan Kuliah Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah, Gadong, pada 10hb. Jun lepas.

Sa-belum majlis pada hari itu di-mulakan ucapan alu2an mengenai tujuan kursus sengkot itu telah di-sampaikan oleh Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Setiausaha Kerajaan Awang Haji Salleh bin Hidup. Sa-telah itu satu cheramah khas telah di-sampaikan oleh YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.

Majlis pada hari itu juga di-bukakan kepada Pegawai2 Kerajaan untuk mengemukakan pertanyaan2 dengan Yang Dimuliakan

Pehin Datu Seri Maharaja. Antara lain yang di-kemukakan pada hari itu ia-lah mengenai hukom faedah (interest) yang di-perolehi daripada bank dan hukom orang yang meminjam wang daripada bank, hukom wang loteri, undang2 Islam dan sa-umpama-nya yang banyak berhubung dengan pegawai2 kerajaan dalam menghadapi tugas sa-harian.

Kursus sa-umpama itu ada-lah yang julong2 kali di-adakan yang di-anjorkan oleh Jabatan Setiausaha Kerajaan sempena sambutan Isra' Meraj tahun ini. Pemangku Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman, YAM Pengiran2 Cheteria, Ketua2 Jabatan telah hadir di-majlis tersebut.



SA-BAHAGIAN dari Pegawai Kanan Kerajaan yang menghadiri Kursus Ulang Kaji Hukom Ugama. Turut hadir di-majlis itu ia-lah YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan YB Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman.

SEKARANG kita sedang berada di-dalam bulan Ramadhan di-mana kita telah pun memulakan ibadat puasa sejak beberapa hari yang lalu.

Ibadat puasa tidak shak lagi ada-lah merupakan salah satu ibadat yang mempunyai unsur2 latehan rohani dan jasmani yang menghendaki kesedaran dan ketaatan kaum Muslimin. Sedar akan hekat2 yang terkandung di-dalam-nya dan taat akan semua ketentuan2-nya sekalipun dengan penderitaan2 yang agak berat.

Sebab kenyataan yang kita rasakan dalam melakukan ibadat puasa banyak penderitaan yang kita rasakan baik rohani mahu pun jasmani.


Penderitaan jasmani yang kita rasakan ia-lah lemah-nya tenaga kerana lapar dan haus yang kadang2 boleh menyebabkan kurang-nya daya tenaga kerja. Begitu pula rohani kita merasakan penderitaan kerana terpaksa menekan shahwat dan keinginan2 tertentu yang dapat kita penohi sa-waktu tiada berpuasa. Tetapi semua penderitaan rohani dan jasmani itu bukan-lah sesuatu yang amat berat bagi orang yang benar2 sedar dan taat.

Bagi orang Islam yang mempunyai kesedaran dan ketaatan, berpuasa itu di-hadapi-nya sebagai ujian yang perlu bagi mempesatkan sa-jauh mana tingkat iman-nya, ada-kah ia benar2 sa-orang yang bertakwa kepada Allah atau bertuhankan hawa nafsu-nya sendiri. Orang Islam yang benar2 sedar dan taat pasti-lah ia rela mengorbankan shahwat dan hawa nafsu-nya demi untuk mencapai keredhaan Allah. Sedangkan orang yang ingkar dan enggan pasti-lah ia lebih suka menurutkan kehendak hawa nafsu-nya lebih dari keredhaan Allah Taala lalu jadi-lah ia orang yang sesat dan bertambah2 sesat.

Firaman Allah Taala dalam Al-Kor'an ayat 23 dari surah Al-Jasiah kira2 maksud-nya:

Pernah-kah kamu (wahai Muhammad) melihat orang yang menjadikan hawa nafsu-nya sebagai tuhan-nya?

ORANG TIDAK BERPUASA MENCHABAR ALLAH ?



Dan Allah biarkan orang itu sesat berdasarkan pengetahuan-nya dan Allah telah menchap dan menutup pintu pendengaran dan pintu hati orang itu serta meletakkan penutup kepada penglihatan-nya? Maka siapa-kah yang akan memberikan pertunjak sesudah Allah (memberikan sesat). Lalu mengapa kamu tidak mengambil pelajaran?

ENGGAN BERPUASA

Orang yang enggan berpuasa pada hal ia tidak mempunyai alasan untuk berbuat demikian di-sebabkan tiada mempunyai sebarang keuzoran yang di-benarkan oleh ugama, ada-lah termasuk orang yang menjadikan hawa nafsu-nya itu sebagai tuhan-nya. Orang yang sa-demikian itu menurut Al-Kor'an ada-lah orang yang sesat dan bertambah2 sesat

kerana ia tiada patoh dan taat kepada perintah Allah, sedangkan ia sendiri mengetahui bahawa puasa itu ada-lah wajib di-kerja-kannya dan ada-lah berdosa besar meninggalkan-nya.

Kerana itu wahai kaum Muslimin, tidak heran ada sa-bilangan orang Islam yang enggan berpuasa itu bukan hanya setakat tidak berpuasa, tetapi kadang2 membuat kelakuan2 yang sa-olah2 menchabar Allah Taala dengan sengaja menampakkan diri-nya makan minum atau merokok di-khalayak ramai yang demikian itu kerana ia ada-lah orang yang di-biarkan sesat oleh Allah Taala. Pintu pendengaran, pintu hati dan penglihatan-nya sebenar2-nya sudah tertutup daripada menerima seruan untuk berlaku taat kepada Allah.

Tetapi kenapa kita harus menchabar Allah Taala dan menchabar titah perintah-Nya? Tidak-kah

kita takut akan azab-Nya di-negeri akhirat di-mana kita akan hidup kekal buat selama2-nya?

BANYAKKAN AMAL

Sa-patut-nya dalam bulan puasa ini-lah kita meningkatkan disiplin terhadap diri kita untuk membentuk diri kita supaya bertambah takwa kepada Allah, untuk menjadi orang Islam yang baik dan taat. Kerana dalam bulan ini terlalu banyak peluang beribadat dan memperbanyakkan amal2 yang berkebaikan yang tidak patut kita biarkan berlaku begitu sahaja. Kita tidak mengetahui bila ajal kematian kita akan tiba, yang pasti ia-lah bahawa kita akan mati dan segala amal perbuatan kita baik yang jahat atau yang pun yang baik akan di-kira dan di-timbang. Jika banyak dan berat yang jahat akan terseksa-lah kita, dan jika banyak yang berat yang baik akan senang dan ber-bahagia-lah kita.

Mari-lah dengan penoh kesedaran dan ketaatan kita berpuasa dan memperbanyakkan amal2 yang berkebaikan di-sepanjang bulan Ramadhan ini, dan jauhi-lah daripada chabar menchabar akan ketentuan2 Allah Taala, mudah2-an jadi-lah kita orang yang benar2 takwa.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30hb Jun, 1982 hingga ka-hari Selasa 6hb Julai, 1982 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
30hb Jun		12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
1hb Julai		12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11
2hb Julai		12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11
3hb Julai		12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11
4hb Julai		12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11
5hb Julai		12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11
6hb Julai		12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Islam ugama tidak luntor

PEKAN BANGAR. — Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Sultan Hassan, Awang Osman bin Simbran menyeru masyarakat Islam di-daerah ini supaya memainkan peranan masing2 dalam usaha menegak dan mengembangkan ugama Islam.

"Islam ada-lah ugama Allah, Maka ada-lah menjadi tanggungjawab kita (umat Islam) semua memelihara kesucian ugama itu," tegas beliau semasa berucap dalam majlis sambutan Isra dan Meraj anjoran Badan Kebajikan dan Ugama Sekolah Menengah Sultan Hassan bertempat di-Dewan sekolah tersebut minggu lepas.

Terdahulu dari itu, menurut beliau, masyarakat Islam telah banyak mengalami berbagai2 pergolakan dan chabaran dari peringkat pembentokan-nya sehingga-lah kepada peringkat perkembangan-nya.

Jika di-sorot dari chermis sejarah, kata-nya, pergolakan yang melanda masyarakat Islam itu ada-lah di-sebabkan faktor2 alam sekeliling dan arus peredaran zaman.

Namun-demikian, ujar beliau, Islam yang di-anuti oleh masyarakat Islam (umat Nabi Muhammad s.a.w.) tetap merupakan sabagai ugama Allah yang tidak 'luntor' oleh peredaran zaman dan pengaruh alam sekitar.

Memang-nya di-akui bahawa harta dan kekayaan itu sukar di-chari, tetapi jika ia datang terkadang2 berlimpah-ruah, sa-hingga tidak terduga banyak-nya. Sebab itu-lah ada di-antara kita yang lokek dan bakhil dalam perkara harta dan kekayaan ini.

Pada hal jika kita fikirkan, kita akan mendapati bahawa harta dan kekayaan itu ada-lah amanat Allah s.w.t. kepada kita. Dan di-dalam-nya ada hak2 orang lain yang perlu di-keluarkan, umpamanya harta orang2 fakir dan orang2 miskin. Erti-nya kita di-suruh mengeluarkan-nya menurut hak yang di-tentukan oleh Allah s.w.t.

Mungkin ada orang beranggapan; bila kita mengeluarkan harta dan kekayaan kita, sama ada yang berupa zakat atau sedekah, maka harta kekayaan-nya itu akan berkurangan dan lama kela-ma'an tentu akan habis. Sa-benar-nya anggapan ini ada-lah salah dan perlu diperbetulkan. Kita perhatikan saja bakti2-nya yang terdapat dalam kitab suci Al-Kor'an ayat 261 Surah Al-Baqarah, pada ayat 39 Surah Saba dan lain2 Surah lagi. Ayat2 tersebut

Bingkisan minggu ini

jelas membayangkan tentang ganjaran yang akan di-terima oleh orang yang membelanjakan harta mereka ka-jalan Allah s.w.t.

Dan untuk lebih mengetahui gambaran yang dekat kita ikuti kesah berikut:

Di-tengah2 masyarakat Bani Israel terdapat sa-orang wanita miskin yang kehidupan harian-nya ha-nya bergantung dengan menchari kayu api. Dengan menchari kayu ini, ia menyara kehidupan bersama sa-orang anak.

Suatu ketika seluruh Negeri Bani Israel mengalami kebuloran hingga beberapa tahun lama-nya. Orang2 kaya telah mengumpul banyak bahan makanan tetapi sa-balek-nya bagi yang miskin kehidupan mereka bertambah susah. Boleh di-katakan pada ketika itu mereka berasa sukar untuk mendapat pekerjaan bagi menyara hidup.

Pada suatu hari ada sa-orang pengemis yang keluar masuk rumah meminta sedekah, tetapi hampir sa-tiap rumah yang di-masuki-nya ia tidak beroleh apa2. Maka akhir-nya sampai-lah si-pengemis itu ka-sebuah rumah yang sudah buruk.

"Biar-lah aku masuk ka-rumah ini, mana-lah tahu ada rezeki untuk ku di-rumah ini!" kata pengemis itu sendirian.

Sa-benar-nya rumah yang akan di-masuki oleh pengemis itu ia-lah rumah perempuan miskin yang kerja-nya mengambil kayu sa-bagai mana di-sebutkan tadi.

Maka masuk-lah pengemis itu dan di-dapati-nya sa-orang perempuan tua sedang makan bersama anak-nya. Sa-baik2 saja perempuan itu melihat ada pengemis yang memerlukan bantuan, maka ia pun memberikan roti yang satu2-nya untuk makanan mereka pada hari itu.

MENCHARI KAYU

Sa-telah memperoleh makanan itu si-pengemis pun mengucapkan terima kasih kepada perempuan itu lalu meminta diri untuk beredar.

"Tak ku sangka dia sangat dermawan sekali. Baru kali ini ku terjumpa orang semacam ini", bisik hati pengemis itu.

Di-pendekkan cerita, pada suatu hari perempuan itu pergi ka-hutan bersama anak-nya. Di-hutan seperti biasa dia menchari kayu api kesana kemari sementara anak-nya di-suruh-nya menunggu kayu yang sudah terkumpul.

"Anak-ku, tunggu-lah kayu ini, ibu akan menchari di-sana pula", pesan ibu-nya.

"Baik-lah bu", jawab anak-nya. "Semoga ibu akan mendapat kayu yang lebih banyak", sambong anak-nya lagi.

Maka perempuan miskin itu pun beredar menchari kayu api untuk sa-bagaimana biasa-nya. Tetapi alangkah terperanjat-nya perempuan itu, sa-kembali-nya dari mengambil kayu itu di-dapati-nya anak-nya tidak ada di-tempat ia menyuruh menunggu sedang di-sekitar kayu yang ditunggu-nya itu pula terdapat kesan2 darah.

"Anak-ku!" Dia menjerit sekuat2 hati-nya. Tetapi tiada jawapan. Sa-telah berkalit2 tiada sahutan maka ia pun mengikuti bekas2 darah yang berchichiran. Sa-telah jauh mengikuti jejak bekas2 darah itu di-dapati-nya sa-ekor harimau sedang membawa anak-nya.

"Masha Allah! Anak-ku! Ya Allah berikan-lah kepada ku pertolongan, kembalik-lah anak ku dengan selamat!" Perempuan itu berseru dan bermohon.

Dengan takdir Allah jua harimau itu pergi dengan sendirinya dengan meninggalkan anak itu. Tanpa lengah perempuan itu menghampiri anak-nya. Dalam keadaan gembira dan chemas itu tiba2 Malaikat Jibril berseru: "Wahai ibu yang suka bersedekah! Allah mengeluarkan anakmu dari mulut harimau sa-bagai ganti sa-potong roti yang kamu sedekahkan kepada peminta sedekah tempoh hari".

Demikian suatu kesah untuk menjadi tatapan dan tauladan yang baik untuk kita chontohi. Kesah sa-orang perempuan miskin yang rela dan ikhlas bersedekah melebihi orang2 yang mewah dan lebih mengutamakan saudara2-nya yang memerlukan-nya dari diri dan keluaraga-nya akhir-nya mendapat pembalasan yang baik.

Sa-chebis kesah orang bersedekah



DATO Haji Yaakub menyampaikan 'baton' kepada rekrut terbaik dalam semua jurusan, Ak Mokti bin Pg Besar.



JALANKAN TUGAS DENGAN TEGAS DAN DISIPLIN

Oleh: Aisah Plee

JALAN MUARA. — Setiap anggota Polis harus bersikap tegas dalam menjalankan tugas harian mereka, dengan tetap berpandukan Undang2 dan Peratoran Polis 'General Order', serta sentiasa memegang prinsip mendisiplinkan diri sendiri, chekap serta bertanggung-jawab.

Malah, bagi sama2 mendukung chita2 Kerajaan dan sa-terus-nya menamakan rasa penoh keperchayaan masyarakat terhadap perkhidmatan Polis, ada-lah amat perlu bagi sikap2 itu di-miliki oleh para anggota-nya, tanpa mengira penat lelah dalam melaksanakan tugas masing2 di-sertai pula dengan sentiasa bertakwa kepada Allah.

Beruchap demikian di-Upacara Perbarisan Tamat Lathan bagi Rekrut Polis Lelaki 5/81 di-Pusat Lathan Polis di-sini Khamis lalu, Pemangku Penguasa Kanan Polis, Yang Berbahagia Dato Haji Yaakub bin PMDR Dato Hj. Zainal selanjut-nya menjelaskan bahawa anggota2 polis ada-lah kakitangan Kerajaan dan satu daripada tulang belakang Kerajaan bagi menjaga keamanan dan keselamatan negara, di-mana keamanan dan kesejahteraan negara yang terjamin akan turut membantu melicinkan perjalanan jentera pentadbiran Kerajaan dengan terator.

Pemangku Penguasa Kanan Polis itu, bagaimanapun, menegaskan bahawa keselamatan dan kesejahteraan negara bukanlah hanya di-pertanggungjawabkan kepada pegawai2 keamanan dan keselamatan sahaja, malah juga hendak-lah di-pikul sama oleh semua rakyat dan penduduk di-negeri ini.



Dato Haji Yaakub ketika beruchap di-upacara tersebut.

"Bantuan tuan2 kepada pegawai2 Polis sama ada sa-chara langsung atau tidak langsung ka-araf mengujudkan suasana harmoni, aman dan sejahtera itu ada-lah sangat2 di-harapkan," Dato Haji Yaakub mengingatkan.

Semasa dalam lathan, selain dari mempelajari undang2, rekrut2 yang menamatkan lathan hari itu juga telah mempelajari seni mempertahankan diri, mengikuti ujian menyelamat jiwa dan pertolongan chemas sa-bagai satu shariat bagi mereka melengkapkan diri sa-bagai anggota2 Polis.

Dalam perkara ini, Dato Haji Yaakub mengingatkan supaya Pegawai2 Polis tidak menggunakan ilmu seni mempertahankan diri seperti judo dan yang di-perolehi semasa dalam lathan lain2-nya sa-bagai satu jalan menchari lawan atau sa-bagai menunjokkan kehandalan atau di-persalah-gunakan kepada perkara2 yang mungkin membangkitkan rasa benci orang2 awam terhadap pihak Polis.

Tetapi, kata-nya, lathan2 yang telah di-berikan

itu ada-lah bagi kegunaan anggota2 Polis sendiri dan bagi kegunaan membantu orang2 yang memerlukan bantuan dan pertolongan.

Dato Haji Yaakub seterusnya menyeru rekrut2 yang menamatkan lathan itu agar terus menerus mempelajari dan menuntun ilmu kepulisan, dalam usaha meninggikan kepan-daian dan kemahiran dalam serba serbi tugas Polis, serta melengkapkan diri selaras dengan suasana dan peredaran zaman.

Pemangku Penguasa Kanan Polis itu sa-terus-nya menggesa agar rekrut2 memberikan penerangan dan ma'aluman kepada belia2 di-kampung bagi menanamkan rasa kesedaran kepada mereka akan penting-nya keamanan, keselamatan dan keharmonian itu di-amal dan di-pupok di-kalangan masyarakat terutama di-kalangan belia2.

Dengan itu juga, penerangan2 dan makluman tersebut akan memberikan kesan yang mendalam kepada belia2 dan menjadi unsur penggalak bagi mereka mencheborkan diri dalam kerjaya Polis.

19 orang rekrut2 pengambilan 5/81 itu telah memulakan kursus mereka di-Pusat Lathan Polis di-sini selama 28 minggu bermula pada 17hb. Jun, 1981. Dalam tempoh lathan, mereka juga telah mengikuti cheramah2 dari Pegawai2 Kerajaan dan Shariatik Minyak Shell dengan mengadakan lawatan ka-jabatan2 Kerajaan.

Achara hari itu di-mulakan dengan pemeriksaan perbarisan dan menerima tabek kehormatan oleh Pemangku Penguasa Kanan Polis, Dato Haji Yaakub bin Haji Zainal. Perbarisan ada-lah di-bawah pemerintahan Pemangku Penguasa Pusat Lathan Polis, Awang Mohd. bin Yusof.

Tiga orang rekrut telah terpilih sa-bagai rekrut terbaik sa-panjang dalam lathan. Terbaik sekali dalam jurusan ia-lah Rekrut 22 Ak. Mokti bin Pengiran Besar, Rekrut 66 Ujang Anak Majang terbaik dalam Undang2 dan Pekerjaan Polis, sementara Terbaik sekali dalam kawad rusohan, lathan senjata dan lathan jasmani ia-lah rekrut 90 Ramli bin Abidin. Hadiah2 kepada rekrut telah di-sampaikan oleh Pemangku Penguasa Kanan Polis.

Ketetapan harga barang2

SAPERTI biasa di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga2 barang yang berikut di-bawah ini bermula dari 30hb Jun, 1982.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. SAYOR KINCHAM—\$5.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chai Huat Trading,
No. B2 Jalan Roberts.
2. KACHANG MERAH — \$1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Leong Soon Huat,
No. 1 Jalan McArthur.
3. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Nam Fung,
No. 114 Bangunan Guru2.
b) Ming Thai Company
No. 32 Jalan Sultan.
4. BAWANG BESAR — \$0.90 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Tan Eng Huat,
No. 111 Bangunan Guru2.
5. ASAM JAWA CHAP SINGA — \$0.50 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut:—
Kim Eng Company,
No. 54 Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

1. SAYOR KINCHAM — \$6.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Teo Hiang Hng,
No. 45 Jalan Pretty.
b) Koh Kee,
No. 60, Jalan Pretty.
c) Chin Fatt,
No. 60B Jalan Pretty.
2. KACHANG MERAH—\$2.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop How Hin,
No. B, Chinese Chambers of Commerce.
b) Ng Ming Hong,
No. E Chinese Chambers of Commerce.
c) Teo Hiang Hng,
No. 45 Jalan Pretty.
d) Chop Yee Seng,
No. 46 Jalan Pretty.

3. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Choo Seng,
No. 20 Jalan Pretty.
4. BAWANG BESAR — \$1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop How Hin,
No. B, Chinese Chambers of Commerce.
b) Shariatik M. Haji,
No. D2, Chinese Chambers of Commerce.
c) Koh Kit Hin,
No. 28 Jalan Pretty.
5. ASAM JAWA CHAP SINGA — \$0.50 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Choo Seng,
No. 20 Jalan Pretty.
b) Sia Hiang Hng,
No. 31B Jalan Sungai.

SERIA

1. SAYOR KINCHAM—\$5.00 sa-kati boleh beli dari kedai berikut:—
Chop Kim Huat,
No. 53 Jalan Bunga Kuning.
2. KACHANG MERAH—\$1.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Hudson Company,
No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.
3. BAWANG MERAH — \$1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
a) Chin Soong Hin
No. 3 Jalan Sultan Omar Ali.
4. BAWANG BESAR—\$1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Hudson Company,
No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Soon Kheng,
No. 50B Jalan Bunga Kuning.
c) Chop Siong Hick
No. 54 Jalan Bunga Kuning.
5. ASAM JAWA CHAP SINGA — \$0.50 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
Chop Kim Huat,
No. 53 Jalan Bunga Kuning.

PENGUMOMAN

SUKACHITA di-maalumkan kepada semua pemohon2 yang telah menempah "Ujian Memandu Jalanraya" bagi Jabatan Pengangkutan Darat, Daerah Belait yang telah di-tetapkan ujian-nya pada jam 8.55 pagi hingga 3.45 petang yang bermula pada 23hb Jun 1982 hingga 24hb Julai, 1982 akan di-ubah masa-nya kepada jam seperti berikut:—

Jadual: Mulai 23hb Jun hingga 24hb Julai			
Ujian tempahan	8.55 pagi	di-ubah kepada	8.45 pagi
Ujian tempahan	9.55 pagi	di-ubah kepada	9.35 pagi
Ujian tempahan	10.15 pagi	di-ubah kepada	10.25 pagi
Ujian tempahan	11.15 pagi	di-ubah kepada	11.15 pagi
Ujian tempahan	1.45 petang	di-ubah kepada	12.15 tengah hari
Ujian tempahan	2.45 petang	di-ubah kepada	1.05 tengah hari

Pengubahan2 masa ini hanya-lah di-lakukan dalam bulan "Puasa" sahaja. Bagi keterangan lanjut pemohon2 yang akan di-uji pada masa2 yang berkenaan boleh-lah berhubung dengan Pegawai Melesen (Ujian Memandu) di-Daerah Kuala Belait.

RANCHANGAN TV MINGGU III

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU

30HB JUN

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.47 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.57 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.00 KAP KAP UDANG
- 4.30 NATURE WATCH: "Densey Clyne"
- 5.00 BLACK STAR
- 5.30 DIFFERENT STROKES
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE PRETENDERS
- 6.30 CHERITA MENJELANG SINGKAI
- 6.40 BEDOK/AZAN MAGHRIB
- 6.45 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FALCON CREST: "Heir Apparent"
Keluarga Gioberti mengadakan satu party di-rumah mereka.
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.57 FALCON CREST — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LIPUTAN NASIONAL
- 8.50 TO THE MANOR BORN
- 9.20 WORLD CUP (Tertaalok kepada perubahan)
- 10.50 MIDWEEK MOVIE: "Gold For Ceasers"
Pelakon2: Jeffrey Hunter, Ron Randall, Mylene Demongeot, Massimo Girotti.
- 12.20 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS

1HB JULAI

PETANG

